

# Jaminan kurangkan kerenah birokrasi

7 OCT 1986

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Perdana Menteri memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa kerajaan sedang berusaha mengurangkan kerenah birokrasi dan peraturan yang tidak perlu untuk mempercepatkan permohonan pelaburan mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan segera akan diambil bagi menyelesaikan masalah yang timbul dalam kegiatan pemprosesan itu, sama ada di peringkat peraturan atau perlaksanaannya.

Sejajar dengan itu, beliau meminta pelabur-pelabur asing memberi maklumbalas kepada kerajaan mengenai perkara itu, walaupun ada antara mereka yang belum melabur di negara ini.

"Jika ada kelambatan dalam kerenah permoh-

nan, anda boleh merayu kepada pihak berkuasa. Jika kelambatan itu menjadi satu amalan, kemungkinan besar ada peraturan yang salah atau jabatan atau pegawai mengendalikannya membuat kesilapan.

"Dalam kedua-dua kes itu, tindakan sewajarnya akan diambil segera sama ada ia digemari atau tidak," katanya di *Seminar Pelaburan Kumpulan Antarabangsa Amerika (AIG)* di sini hari ini.

Rombongan itu ada di negara ini selama tujuh hari mulai 4 Oktober lalu. Ia diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif AIG, Encik M R Greenberg.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah dan duta Amerika Syarikat, Encik Thomas Shoenith.

Perdana Menteri ber-

kata, adalah mustahil bagi kerajaan menghapuskannya semua peraturan yang ada kerana ia mungkin mendatangkan kekacauan dan kerugian kepada semua pihak, termasuk pelabur.

Bagaimanapun, kita akan berusaha mengurangkan karenah birokrasi dan peraturan yang tidak perlu bagi memudahkan pelabur asing menanam modal di negara ini, katanya.

## Kawalan

Beliau berkata, mungkin ada pihak menganggap satu perkara yang aneh bila kerajaan mencadangkan peraturan baru dalam usahanya mengurangkan kawalan.

"Tetapi, saya yakin pelabur asing akan gemar peraturan itu kerana ia bertujuan mengurangkan rundingan antara pelabur dan pegawai.

Peraturan yang perlu dipenuhi ialah untuk memperoleh peringkat ekuiti yang diinginkan seperti diterangkan dalam peraturan baru itu.

"Anda boleh memutuskan sama ada untuk mengambil 100 peratus atau 51 peratus ekuiti atau penyertaan kecil dan kemudian memilih jenis industri yang boleh diceburi, modal diperlukan dan bilangan pekerja yang disediakan," katanya.

"Jika ekuiti memenuhi syarat-syarat yang ada, anda akan memperoleh kelulusan dalam tempoh yang ditetapkan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, langkah mengadakan peraturan baru pelaburan itu menunjukkan sikap pragmatik yang diamalkan kerajaan.

"Ekonomi dunia seka-

● Lihat muka 2 ruang 1

## 'Pelabur lama tidak diketepikan'

### ● Dari muka 1

rang mengalami tempoh yang rumit. Harga komoditi tidak seperti yang dijangkakan. Pertumbuhan yang diramalkan oleh negara ini tidak dapat dilihat dan ini menyebabkan pengganguran.

"Tumpuan utama kita ketika ini ialah mewujudkan kekayaan daripada mengagih-agihkan kekayaan. Kita yakin kita akan mampu mengurangkan kedudukan sosial bila ekonomi pulih."

Walaupun kerajaan bercadang membantu pelabur baru, Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak akan mengeneipkan kepentingan pelabur-pelabur yang berada di sini ketika kita memerlukan mereka.

Perdana Menteri berkata, Amerika Syarikat ialah salah satu daripada lima pelabur terkemuka di Malaysia, tetapi jumlah pelaburannya adalah kecil.

Kelompokan terbaharu mengenai syarikat pembuatan yang mengeluarkan barangan di sini menunjukkan pelaburan Amerika Syarikat dalam sektor itu berjumlah kira-kira AS\$121 juta (kira-kira \$314 juta) dalam bentuk modal berbayar dan AS\$358 juta (kira-kira \$930 juta) dalam bentuk aset tetap.

"Bagaimanapun, eksport tahunan dari Amerika Syarikat ke negara ini berjumlah \$4,676.4 juta. Ini menunjukkan Amerika memperoleh faedah yang

banyak daripada pelaburan kecil. Ini menunjukkan pelabur Amerika perlu meningkatkan pelaburan di negara ini," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam dekad yang akan datang, pembangunan Malaysia ditumpu kepada industri berasaskan eksport dan meningkatkan pertumbuhan dalam industri tertentu berdasarkan kelebihan bandingan dalam beberapa faktor seperti pembangunan tenaga manusia dan keupayaan teknologi.

Oleh itu, tambahnya, persoalan mengenai sama ada 'untuk mengadakan perindustrian atau tidak' tidak timbul lagi dan Malaysia akan terus

memberi tumpuan kepada bidang itu.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai rekod yang baik di bidang ekonomi berasaskan barangan utama, gantian eksport dan program perindustrian berasaskan eksport. Kejayaan itu digunakan oleh negara-negara membangun yang lain sebagai panduan menarik pelaburan terutama bagi mereka yang mempunyai kelebihan di segi buruh yang ramai dan murah, katanya.

"Malaysia berjaya mengekalkan keupayaannya di segi keberkesanan dasar, produktiviti dan mutu tenaga kerja dan keadaan perindustrian secara keseluruhan."